

D654

U B691 AAB
MAHKAMAH - MAHATHIR
(I)

KUALA LUMPUR, 24 MAC (BERNAMA) -- MAHKAMAH TINGGI DI SINI AKAN MENDENGAR ESOK PERMOHONAN OLEH PENGARANG DAN PEMILIK DAN PENERBIT FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW (FEER) UNTUK MEMASUKKAN MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN SEBAGAI PIHAK KETIGA DALAM SAMAN MALU TERHADAP MEREKA.

HAKIM DATUK AJAIB SINGH YANG SEPATUTNYA MENDENGAR PERMOHONAN ITU HARI INI MENANGGUHKAN PERBICARAAN MENDENGAR PERMOHONAN ITU SELEPAS ENCIK MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH, YANG MEWAKILI FEER, MENYATAKAN BAHAWA BELIAU BELUM MEMPEROLEHI SEMULA SEMUA DOKUMEN YANG DIHANTARNYA KEPADA SYARIKAT PERCETAKAN UNTUK DIJILID.

HAKIM HARI INI BERKATA BELIAU MAHU MENDENGAR PERMOHONAN ITU SEBELUM MENDENGAR PERMOHONAN OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BAGI BUTIRAN LANJUT DAN LENGKAP BERHUBUNG DENGAN SAMAN MALU TERHADAP FEER SELEPAS SELESAI MENDENGAR PERMOHONAN AWAL YANG DIKEMUKAKAN OLEH KEDUA-DUA DEFENDAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR, PADA OGOS LALU, MENGEMUKAKAN SAMAN ITU BERHUBUNG DENGAN RENCANA MENGENAI APA YANG DIKATAKAN KEMUNGKINAN PENJUALAN LIMBANG DI SARAWAK KEPADA BRUNEI DARUSSALAM SEPERTI YANG DISIARKAN OLEH FEER PADA 21 MEI TAHUN LALU.

DALAM PERMOHONAN BAGI BUTIRAN LANJUT DAN LENGKAP, PERDANA MENTERI MEMINTA DEFENDAN MENYEBUT NAMA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER YANG PADA MASA LEPAS DIDAKWA OLEH MEREKA SEBAGAI BOLEH DIPERCAYAI.
-- LAGI.

1809MST 24 03 88

D659

U B693 DEB
MAHKAMAH - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR
(I)

PADA 21 MEI LALU, MAJALAH YANG BERIBU PEJABAT DI HONG KONG ITU MELAPORKAN BAHAWA PERDANA MENTERI TELAH BERBINCANG MENGENAI KEMUNGKINAN PENJUALAN LIMBANG, DI TIMUR LAUT SARAWAK, KEPADA BRUNEI DARUSSALAM DENGAN HARGA PERMULAAN AS\$6,000 JUTA (M\$15,000 JUTA) SEMASA MELAWAT NEGARA ITU PADA MAC TAHUN LALU.

DALAM SAMANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR, ANTARA LAIN MENDAKWA BAHAWA PERKATAAN-PERKATAAN YANG MENYENTUH BELIAU DENGAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI, DALAM PENGERTIAN BIASA, DIFAHAMKAN MEMBAWA MAKSUD YANG BELIAU TERLIBAT DALAM PERCUBAAN YANG BERGANGGAH DENGAN PERLEMBAGAAN UNTUK MENJUAL KEPADA BRUNEI SEBAHAGIAN DARIPADA WILAYAH SARAWAK YANG MERUPAKAN KOMPONEN MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENERBITAN PERKATAAN-PERKATAAN ITU TELAH MEROSAKKAN NAMA BAIKNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI DAN MENDEDAHKANNYA KEPADA PENGHINAAN DAN CEMUHAN MASYARAKAT.

SEMASA MEMBELA DIRI, PIHAK DEFENDAN MENAFIKAN YANG RENCANA ITU MEMBAWA MAKSUD UNTUK MEMFITNAH PERDANA MENTERI. -- LAGI.

1819MST 24 03 88

D660

U 8695 DEB

MAHKAMAH - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

(I)

MEREKA MENDAKWA BAHAWA JIKA PERKATAAN-PERKATAAN ITU FITNAH, IA DISIARKAN MENGIKUT HAK ISTIMEWA DAN MENDAKWA ANTARA LAIN BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MEWAKILI KABINET DAN KERAJAAN, IALAH SEORANG TOKOH YANG TERKENAL DI SELURUH MALAYSIA, NEGARA JIRAN DAN DUNIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR DIWAKILI OLEH PEGUAM KANAN PERSEKUTUAN, ENCIK T.SELVENTHIRANATHAN SEMENTARA ENCIK MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH MEWAKILI DEFENDAN. -- BERNAMA.

1820MST 24 03 88